

16.3.2022

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **Permohonan semakan tarif air 2022: Meningkatkan dana untuk projek bagi memastikan kecukupan air di Pulau Pinang sehingga 2030**

- Pada 2022, PBAPP akan memohon semula semakan tarif air di Pulau Pinang. Permohonan PBAPP akan dikemukakan kepada SPAN dan ia tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.
- PBAPP tidak mencari keuntungan yang lebih tinggi. Dana tambahan yang diperoleh akan dilaburkan semula terutamanya ke dalam projek Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) PBAPP.
- Subsidi bekalan air domestik PBAPP bagi tahun 2021 berjumlah RM97.3 juta.

PULAU PINANG, Rabu, 16.3.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan memohon semakan tarif air di Pulau Pinang pada 2022, terutamanya untuk meningkatkan dana bagi pelaksanaan projek Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030).

### **Rasional Utama untuk Cadangan Semakan Tarif Air Pulau Pinang 2022**

1. Pulau Pinang tidak dapat menampung peningkatan permintaan air tanpa projek RWCP 2030.
2. 5 projek di bawah RWCP 2030, yang dijadualkan siap dalam tempoh 2022 – 2028, adalah:
  - i) Fasa 2, Naik taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua
  - ii) Pakej 12A, LRA Sungai Dua: Tambahan modul rawatan air baharu
  - iii) Fasa 1 LRA Empangan Mengkuang
  - iv) Fasa 1 LRA Sungai Muda
  - v) Skim Bekalan Air Sungai Perai

Objektif utama projek-projek ini adalah untuk memastikan kecukupan air di Pulau Pinang ketika negeri ini meneruskan perjalanannya ke arah pemulihan sosio ekonomi pasca pandemik.

3. Tarif air sedia ada yang tidak mampan mengakibatkan RM97.3 juta dalam subsidi domestik pada 2021.
4. Kos pelupusan enap cemar yang tinggi bagi mematuhi peraturan JAS.
5. Penggunaan air Pulau Pinang telah diunjurkan mencecah 1,532 JLH menjelang 2030 dan 2,178 JLH menjelang 2050, berdasarkan kajian kejuruteraan bekalan air bebas yang disiapkan pada 2021.
6. Purata tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama penggunaan domestik ialah RM0.32 setiap 1,000 liter. Ia adalah yang terendah di Malaysia. Purata nasional adalah 121.9% lebih tinggi, pada RM0.71 setiap 1,000 pada 2018\*.
7. Semakan tarif air terakhir di Pulau Pinang dilaksanakan pada 2015. PBAPP telah memohon semakan tarif air pada 2019. Bagaimanapun, Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA) mengeluarkan kenyataan pada 2020 dan 2021 bahawa Kerajaan Persekutuan telah menangguhkan semua kajian semula tarif air berikutan kesan pandemik Covid-19 terhadap ekonomi Malaysia.
8. PBAPP bukanlah satu-satunya operator air Malaysia yang telah memohon semakan tarif air sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada 2021, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) menjalankan “rundingan awam” untuk cadangan semakan tarif yang dikemukakan untuk Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Perak.

Pada 2019 dan 2020, SPAN juga telah menjalankan “rundingan awam” yang serupa untuk cadangan semakan tarif air melibatkan WP Labuan, Kelantan, Pahang, Selangor dan Terengganu.

Mengikut undang-undang, semua cadangan tarif air di Semenanjung Malaysia kini tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.

\* *“Peninsular Malaysia and FT Labuan Water and Sewerage Statistics 2019”*  
– SPAN

## Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) SPAN

Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) SPAN ialah rangka kerja penanda aras yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Formula TSM membolehkan operator bekalan air mengira tarif seperti berikut:

<b>STRUKTUR TARIF DAN KOMPONEN KOS TARIF DI BAWAH TSM</b>	
<b>Jalur (m<sup>3</sup>)</b>	<b>Komponen Kos Tarif</b>
<b>Kategori Domestik</b>	
0 – 20 m <sup>3</sup>	OPEX
> 20 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX
> 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar*
<b>Kategori Bukan Domestik</b>	
0 – 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia
> 35 m <sup>3</sup>	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar*
<b>Kategori Khas</b>	
Institusi Agama/Kebajikan	OPEX
Domestik Pukal	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia
Perkapalan	OPEX + CAPEX + Keuntungan yang dikawal selia + Kos Alam Sekitar*
Nota : OPEX – Perbelanjaan operasi CAPEX – Perbelanjaan modal *Kos Alam Sekitar merupakan kos pemulihan kawasan tadahan air dan pelupusan enap cemar (sludge disposal).	

Sebagai operator bekalan air yang bertanggungjawab, PBAPP akan mengemukakan permohonan semakan tarif air 2022 berdasarkan rangka kerja TSM ini.

Secara ringkasnya, kami merancang untuk mengumpul dana yang mencukupi untuk menampung peningkatan OPEX PBAPP dan membiayai komitmen CAPEX kami untuk Pulau Pinang secara telus, dinilai dan diluluskan oleh SPAN berdasarkan rangka kerja TSM.

## **TSM: Sudut Pandangan PBAPP**

TSM memberi peluang kepada operator air Malaysia untuk mewajarkan cadangan semakan tarif air secara telus dan bertanggungjawab.

Mungkin yang lebih penting, TSM memaksa lebih banyak pengendali air Malaysia untuk merancang lebih awal, mendapatkan CAPEX yang diperlukan dan melaksanakan projek bekalan air untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan.

Diharap agar TSM menjadi permulaan zaman di mana operator air boleh membekalkan air pada kadar yang betul dan memenuhi KPI yang ditetapkan oleh SPAN.

Ketika ini, terbukti bahawa tarif air Malaysia sangat rendah jika dibandingkan dengan bil elektrik, petrol, gas memasak, telekomunikasi, internet dan perkhidmatan TV satelit dan ia tidak mampan.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : syarifah@pba.com.my